

~~UCAPAN ADHO~~

~~52~~

~~331 - 99/79~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO' HUSSEIN ONN, DI UPACARA
MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH
KEBANGSAAN PINTAS PUDING, MUKIM 8,
BATU PAHAT, PADA HARI KHAMIS,
6HB. JULAI, 1978 - JAM 2.30 PTG.

1. Yang Berusaha, Pegawai Daerah, Batu Pahat.
 2. *← * Berusaha, Tuan Pengarah Pelajaran, negeri Johor.*
Yang Berusaha, Guru Besar serta guru-guru
Sekolah Kebangsaan Pintas Puding.
 3. Dif-dif kehormat.
 4. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.
- * *Pengurus dan Ahli "Jemaah Pengurus"*
-

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan izinNYA, dapat saya mengunjung penduduk-penduduk Kampung *pada* Pintas Puding petang ini, dan seterusnya hadir di majlis yang permai ini. Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan,

kapada Pegawai Daerah Batu Pahat dan Kementerian
Pelajaran, kerana memberi penghormatan kapada
 saya, ^{baru} merasmikan bangunan / sekolah ~~baru~~ Pintas
 Puding ini.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, bahawa
 satu daripada usaha utama ^{untuk} memupuk semangat
 ta'at setia, serta cintakan bangsa dan negara,
 ialah melalui pelajaran. Kanak-kanak dari
 berbilang kaum, berbagai keturunan, dan berlainan
 adat resam dan ugama, diberi didikan serta
 bimbingan percuma, di sekolah-sekolah rendah,

...3/-

menerusi satu sistem pelajaran yang sama.

Mataamat utamanya ialah, melengkapkan kanak-kanak ini, dengan ilmu pengetahuan, melalui penggunaan bahasa pengantar yang sama, iaitu Bahasa Malaysia.

~~3. Sistem Pelajaran yang dilaksanakan sekarang ini, telah disusun dan dibentuk bagi memenuhi kehendak dan keperluan serta memupuk perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik di tanah air kita. Dasar Pelajaran Kebangsaan, yang di gubal berasaskan kepada~~

~~syor-syor Jawatankuasa Tun Abdul Razak, dan
Jawatankuasa Abdul Rahman Talib, telahpun
dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin berbagai
kaum dan golongan masyarakat pada ketika
itu, dan diterima oleh rakyat berbilang kaum.~~

4. ~~Salah satu matalamat yang ^{paling} penting
dalam Dasar Pelajaran tahun 1956 ialah, pembinaan
negara. Sebagaimana yang telah dimaktubkan
dalam Perlembagaan, bahawa Bahasa Melayu
seharusnya dijadikan Bahasa Kebangsaan, yang
sekarang ini dikenali sebagai Bahasa Malaysia, untuk~~

~~digunakan sebagai Bahasa pengantar utama.~~

Tindakan ini, telahpun dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sejak tahun 1970.

Mengikut jadual yang telah ditetapkan, mulai tahun 1980, semua pelajaran ke peringkat universiti, akan di ajar dalam Bahasa Malaysia, melainkan ilmu Hisab dan Sains. Usaha-usaha terus dipergiatkan bagi memperkukuh dan memperkayakan lagi Bahasa Malaysia, supaya ia dapat menyempurnakan peranannya dengan lebih berkesan lagi.

5. Walaubagaimanapun, Kerajaan Barisan

Nasional akan terus menitikberatkan pelajaran

...6/-

Bahasa Inggris di sekolah-sekolah, memandang kepentingan bahasa itu sebagai suatu bahasa antarabangsa, serta memandang kepentingannya dalam perkembangan sains dan teknologi di zaman moden ini. Hakikat ini, telah pun diterima oleh semua peringkat dan golongan, yang ingin melihat perkembangan yang lebih pesat, dan kejayaan yang lebih tinggi, di capai oleh negara dalam bidang dan jurusan sains dan teknologi.

6. Saya harap, ibubapa dan guru-guru, hendaklah memahami hakikat ini, serta berusaha

dengan sedaya upayanya, menggalakkan penuntut-
penuntut dan anak-anak sendiri, meminati bahasa
ini, lebih-lebih lagi penuntut-penuntut yang
memilih jurusan sains. Saya sukalah mengingatkan
penuntut-penuntut, bahawa di samping menitik-
beratkan pelajaran Bahasa Inggeris, mereka
janganlah pula mengabaikan Bahasa Malaysia,
sekalipun bahasa tersebut, merupakan bahasa
ibunda kepada penuntut-penuntut Melayu.

7. Dengan adanya peratoran ini, penuntut-
penuntut dalam jurusan sains, hendaklah
melipatgandakan usaha, supaya dapat menguasai

kedua-dua bahasa ini, dalam semua bidang. Ini adalah penting, supaya metalamat meningkatkan bilangan pelajar lulusan jurusan sains dan ~~bidang~~ teknologi, dapat terus di capai. Guru-guru hendaklah menjalankan peranan utama mereka, bagi meningkatkan minat dan kecenderongan di kalangan penuntut dan pelajar dalam jurusan sains, terhadap ^{pentingnya menguasai kedua²} ~~keperluan penting ini.~~ *bahasa ini.*

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Segala apa yang telah saya sebutkan itu, adalah dirancang dan disusun bagi faedah

...9/-

rakyat dan keperluan masa depan negara, dan generasi kita yang akan datang. Itulah sebabnya, Kerajaan Barisan Nasional, yang mengendalikan perancangan dan pelaksanaan, bukan sahaja Dasar dan Sistem Pelajaran Kebangsaan, bahkan lain-lain projek pembangunan, memerlukan mandat baru dari rakyat, bagi membolehkannya menjayakan kesemua dasar dan rancangan yang telah ditetapkan.

Sundablab

9. Dua hari lagi, rakyat mestilah menentukan supaya Kerajaan Barisan Nasional diberi mandat baru, agar ia dapat menunaikan segala tanggungjawab dan kewajipannya kepada rakyat dan negara.

..10/-

yang
Banyak lagi/perlu dilakukan, bagi meningkatkan
lagi kemakmuran, serta membawa keadilan sosial
dan kehidupan yang lebih baik, bagi semua.
Syukurlah, kita telah dapat menikmati keamanan
selama ini, yang telah memberi peluang kepada
Kerajaan Barisan Nasional, menjayakan pelaksanaan
pembangunannya setakat ini.

10. Insya Allah, dengan adanya mandat *baru*
dari rakyat, maka dapatlah Kerajaan Barisan
Nasional meneruskan pelaksanaan dalam berbagai
bidang pembangunan, bagi memenuhi segala kehendak

dan keperluan rakyat berbilang kaum. Menjelang hari membuang undi ini, saya mempunyai penuh keyakinan, di atas sokongan dan kerjasama rakyat, khusus^{nya} pengundi-pengundi. Saya telah pun menjelajah ke negeri-negeri Pulau Pinang, ^{melaka,} Perlis, Kedah, Sabah dan Sarawak, untuk mengkaji sendiri suasana dan keadaan.

11. Dalam lawatan-lawatan itu, saya telah menjelaskan kepada rakyat jelata, bahawa jika sekiranya mereka berkehendakkan kemajuan, kemakmuran dan keamanan, ^{hendaklah} mereka mestilah menyokong dan mengundi calon-calon Barisan

Nasional. Saya percaya, sebilangan besar rakyat inginkan kemajuan dan kemakmuran, dan berkehendakkan supaya Barisan Nasional terus memegang pentadbiran di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat ^{semua} ~~peringkat~~ negeri. Oleh itu, marilah kita beramai-ramai mendoakan kejayaan calon-calon Barisan Nasional di seluruh negara, supaya kemajuan dan kemakmuran ini, dapat ditingkatkan lagi dengan pesatnya.


12. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, khusus kepada Pegawai Daerah Batu Pahat, kerana menjayakan

majlis ini, serta lawatan saya ke kawasan
Seri Gading ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,
mengisytiharkan Bangunan Sekolah Kebangsaan
Pintas Puding ini, dibuka dengan resminya.

Terima kasih.





No Siri 389
No Penerimaan 53/79